



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil.2/2018

TIADA PRK BAGI KEKOSONGAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.18, LEPAR, PAHANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada hari ini, **2 Januari 2018 (Selasa)** telah menerima pemakluman rasmi daripada **Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad** berhubung dengan kekosongan kerusi **Dewan Undangan Negeri (DUN) N.18 Lepar** berikutan kematian penyandanginya **Yang Berhormat Dato' Mohd Shohaimi bin Jusoh** pada 31 Disember 2017.
2. Sehubungan dengan itu, di bawah **Bahagian II, Bab IV, Perkara 26(5) Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang** menyatakan bahawa jika kekosongan luar jangka dipastikan dalam tempoh dua tahun sebelum mandat yang diberikan kepada Dewan Undangan Negeri akan terbubar, maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi, melainkan jika Yang Dipertua memberitahu SPR secara bertulis akan keperluan pengisian kekosongan luar jangka tersebut.
3. Berdasarkan surat pemakluman rasmi yang diterima, Yang Dipertua DUN Pahang tidak menyatakan keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka itu. Oleh itu, memandangkan tempoh mandat DUN Pahang yang telah melebihi tempoh tiga (3) tahun dan tiada pemberitahuan oleh Yang

Dipertua DUN mengenai keperluan untuk mengisi kekosongan luar jangka itu, maka SPR memutuskan bahawa **TIADA Pilihan Raya Kecil (PRK)** dijalankan bagi mengisi kekosongan kerusi DUN N.18, Lepar selaras dengan peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang yang dinyatakan.

Sekian.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh: 2 Januari 2018 / 14 Rabiulakhir 1439H